

15 OCT 2003

Mahathir-TV

CARI JALAN BERKESAN BAGI LINDUNGI DIRI, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Umat Islam perlu mencari jalan yang lebih berkesan bagi melindungi diri mereka daripada melakukan pembunuhan untuk menyatakan kemarahan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Katanya, mereka boleh bermula dengan menilai masalah-masalah yang dihadapi dan merangka jalan yang berkesan dalam melakukan sesuatu.

Dalam temubual yang disiarkan oleh TV1 sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10, Dr Mahathir berkata pertubuhan 57 anggota itu mempunyai kemampuan bertindak tetapi perlukan iltizam untuk melakukannya.

Ancaman yang dihadapi oleh OIC bukannya dari luar tetapi adalah dari dalam, katanya.

Ditanya bagaimana kepimpinan Malaysia dalam OIC boleh membaiki keadaan, beliau berkata sasaran untuk mendapatkan perpaduan sepenuhnya dari 1.3 bilion umat Islam dari 57 negara yang berbeza sememangnya sukar.

Tapi jika perpaduan boleh dicapai dalam bilangan usaha yang besar berhasil, ia boleh membantu merangka pelan-pelan tindakan.

Ditanya mengenai penggunaan minyak sebagai senjata, Dr Mahathir berkata ia tidak bermakna mereka perlu mengurangkan pengeluaran.

"Kita perlu berfikir. Jika kita memiliki senjata, kita boleh menggunakan ia dengan pelbagai cara.... Oleh itu kita perlu memikirkan cara-caranya, daripada hanya mengurangkan pengeluaran yang akan menghalang dunia daripada mendapat bekalan minyak," katanya.

-- BERNAMA

SSA AZZ AZH MOZ